

12 JUN 2001

Mahathir-Alam Sekitar

NGO TEMPATAN LEBIH BERMINAT MALUKAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Bukan Kerajaan tempatan yang memperjuangkan isu alam sekitar lebih berminat dalam memalukan kerajaan daripada memberi tumpuan terhadap alam sekitar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sebelum mereka dihasut NGO asing, (NGO) tempatan ini tidak pernah memikirkan secara serius mengenai alam sekitar tetapi sekarang mereka sanggup menafikan rakyat senegara mereka yang miskin, semata-mata untuk membuktikan mereka tidak ketinggalan berbanding rakan mereka di negara-negara kaya," katanya.

Katanya beliau merasa syak terutama dengan penglibatan NGO dari negara kaya yang biasanya bertanggungjawab dalam membangkitkan kemarahan rakyat di negara miskin dan NGO tempatan untuk membuat bantahan.

"Mereka patut tahu bahawa mereka sebenarnya mengekalkan kemiskinan rakyat miskin di negara-negara yang miskin," katanya dalam ucapan pada jamuan tengah hari Persidangan Minyak dan Gas 2001 bertemakan "Keseimbangan dan Stabiliti: Kerjasama Di Kalangan Pengeluar dan Pengguna."

Dr Mahathir juga mempetikaikan sama ada aktivis alam sekitar benar-benar mengambil berat tentang nasib golongan miskin di negara-negara mundur.

"Adakah mereka mahu golongan miskin ini terus menjadi miskin?" katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun semua pihak perlu mengambil berat tentang alam sekitar, ia tidak perlu sampai ke tahap menjadikan yang miskin itu lebih miskin.

"Agak malang golongan yang menggelar diri mereka pejuang alam sekitar lebih pentingkan masalah mengekalkan alam sekitar bagi pihak yang kaya sehingga menipu orang miskin dengan menghalang pembangunan untuk manfaat golongan miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa aktivis alam sekitar dan NGO membantah pembangunan projek tenaga hidro di negara-negara miskin yang perlukan tenaga.

Beliau berkata aktivis alam sekitar dan NGO harus ingat bahawa projek tenaga hidro memberi manfaat kepada banyak orang miskin yang memerlukan bekalan elektrik yang murah, dan dengan adanya projek seperti ini di negara-negara miskin bermakna lebih banyak pembangunan ekonomi akan dihasilkan daripada proses perindustrian.

Dr Mahathir berkata tenaga hidro merupakan sumber tenaga paling sesuai dan murah yang tidak mencemarkan alam sekitar.

"Sesebuah negara miskin boleh menjadi kaya dengan membangunkan tenaga hidro dan menjual bekalan berlebihan," katanya.

Perdana Menteri berkata membangunkan tenaga hidro bukan saja memerlukan hutan dicerahkan tetapi kawasan tadahan air perlu dikekalkan dengan baik.

"Memanglah ada orang yang terpaksa dipindahkan tetapi mereka diberi pampasan sewajarnya. Mereka yang dipindahkan ini lazimnya orang miskin tetapi akan menjadi kaya apabila dibayar pampasan," katanya.

Dr Mahathir berkata jika sesuatu negara tidak dapat membangunkan potensinya dalam tenaga hidranya, maka ia terpaksa beralih kepada minyak, gas dan arang batu untuk menjana elektrik.

Walaupun kemajuan teknologi membolehkan kesan pencemaran daripada minyak, gas dan arang batu dikurangkan, proses itu memakan belanja yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh pengguna yang termasuk golongan miskin.

Pada masa ini, dunia menggunakan 77 juta tong minyak sehari selain

arang batu dan gas, angka yang mungkin meningkat pada masa depan.

"Saya bukannya seorang fanatik tentang alam sekitar tetapi saya mengambil berat mengenainya," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata masanya sudah tiba bagi dunia memikirkan semula tentang penggunaan bahan api yang tinggi ini, dengan mengurangkan penggunaannya.

"Kita tidak boleh meminta yang miskin melakukannya, mereka tidak banyak menggunakannya dan pengurangan di kalangan mereka tidak membawa kesan yang besar, sebaliknya mereka perlukan tenaga untuk hidup bukan keselesaan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara-negara kaya patut mengurangkan penggunaan bahan api.

Dr Mahathir berkata pendapatan daripada minyak sepatutnya digunakan bagi menjana tenaga alternatif yang kurang mencemarkan alam sekitar.

--BERNAMA

SR ZS MAI